

Lima universiti kekal 200 terbaik dunia

PETALING JAYA – Lima Universiti Penyelidikan Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia.

Kementerian Pengajian Tinggi dalam satu kenyataan berkata, lima universiti tersebut ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

“Walaupun terdapat sedikit penurunan dalam kedudukan individu berbanding tahun lepas dalam laporan yang dikeluarkan oleh *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2022* semalam, kesemua lima universiti ini berjaya mengekalkan kedudukan mereka.

“UM sekali lagi telah berjaya disenaraikan sebagai 100 universiti terbaik di dunia dengan berada di tempat ke 65.

“Kedudukan UM dalam

100 universiti terbaik dunia telah dicapai sejak tahun 2018 iaitu tujuh tahun lebih awal daripada sasaran, malah berjaya mengekalkan kedudukan setiap tahun sehingga hari ini,” katanya di sini semalam.

Katanya, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila berjaya menduduki tangga 511-520 berbanding di tempat 531-540 pada tahun 2021.

“Bagi universiti swasta, Taylor’s University mendahului di kedudukan ke 332 (2021: 379), diikuti oleh UCSI University di kedudukan 347 (2021: 391), dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di kedudukan ke 414 (2021: 439), serta Sunway University di kedudukan 651-700 berbanding di tempat 701-750 pada tahun sebelumnya.

“Berdasarkan laporan tersebut juga, sebanyak 22 buah Universiti tempatan telah berjaya disenaraikan sebagai 1200 universiti terbaik dunia,” katanya.



UNIVERSITI MALAYA tersenarai pada kedudukan ke-65 terbaik di dunia dalam QS World University Rankings 2022.